

Sukarelawan UTHM bantu Rohingya

PRIHATIN dengan nasib penduduk masyarakat Islam Rohingya yang menderita di Myanmar. Empat pelajar dari Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) juga tidak mahu ketinggalan bagi sama-sama membantu mangsa yang kini berlindung di Bangladesh.

Keempat-empat pelajar itu menyertai Program misi bantuan Projek Sukarelawan Siswa UTHM *Heal Rohingya @ Hero* yang diadakan baru-baru ini dengan kerjasama Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (Mapim).

Mereka terdiri daripada Raihanah Khairudin, Nur Salsabilah Hamdan, Siti Syuhada Abdul Latiff dan Raziff Buyong yang masing-masing merupakan pelajar tahun akhir Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan UTHM.

Pengarah programnya, **Raihanah Khairudin** berkata, bantuan yang diberikan bukan sahaja dalam bentuk barangan keperluan seperti beras, gula dan makanan ringan malah turut mengadakan pemeriksaan kesihatan bersama penduduk.

“Kehadiran sukarelawan UTHM di kawasan terlibat nyata memberikan semangat kepada setiap mangsa seterusnya membantu mengurangkan beban yang terpaksa ditanggung mereka ekoran pergolakan akibat tiada penyatuan rakyat pelbagai kaum dan etnik di negara itu.



“Kami mengunjungi pusat kem pemindahan Rohingya di Balukhali, Khutupalong, Jamtuli dan Cox’s Bazar bagi membantu mangsa yang terlibat di kawasan tersebut,” katanya.

Dalam program tersebut, Raihanah berkata, antara sumbangan yang disampaikan juga adalah air mineral dan tajaan tiga unit khemah sementara yang bernilai RM3,250 hasil sumbangan daripada warga UTHM dan orang ramai.

“Kami juga turut menerima sumbangan dari Persatuan Pengusaha Tadika Negeri Johor sebanyak RM30,000 bagi mengisi Tabung Pendidikan Rohingya UTHM.

Sementara itu, rakannya, **Raziff Buyong** berkata, misi sukarelawan yang dilaksanakan itu adalah amat baik kerana dapat membantu meringankan beban yang ditanggung oleh mangsa peperangan tersebut.

“Setelah dilanda musibah, sudah tentu kita tidak dapat mengembalikan keadaan seperti sediakala tetapi apa yang kita lakukan adalah membantu bagi mengurangkan beban mereka” katanya.



SUKARELAWAN UTHM bersama penduduk Muslim Rohingya di kem pemindahan Jamtuli, Bangladesh baru-baru ini.